

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 2 FEBRUARI 2016 (SELASA)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Jabatan Meteorologi nafi suhu sejuk bakal melanda negara	Utusan Malaysia
2.	Fenomena El Nino turut jejas pendapatan pekebun kecil	Harian Metro
3.	MetMalaysia ramal ombak 3.5 meter	Harian Metro

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 17**  
**TARIKH : 2 FEBRUARI 2016 (SELASA)**

## Jabatan Meteorologi nafi suhu sejuk bakal melanda negara

**KUALA LUMPUR 1 Feb.** - Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) menafikan laporan kononnya negara ini akan dilanda suhu sejuk sebagaimana laporan sebuah akhbar.

Agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

itu dalam satu kenyataan di sini hari ini menjangkakan suhu minimum tidak akan turun ke paras 20 darjah Celsius sepanjang bulan Februari ini.

Katanya, suhu bagi Malaysia yang beriklim tropika secara amnya adalah antara 22 darjah Celsius

pada waktu subuh dan 35 darjah Celsius pada lewat petang.

“Secara amnya, suhu minimum bulan Januari 2016 didapati lebih panas dari biasa antara satu hingga dua darjah Celsius.

“Malah, suhu terendah bulan

Januari 2016 juga lebih tinggi daripada rekod suhu terendah jangka panjang bagi Januari. Peningkatan suhu ini adalah selari dengan jangkaan awal iaitu kesan El Nino kuat akan menyebabkan peningkatan suhu antara 0.5 hingga 2 darjah Cel-

cius,” katanya.

Tambah kenyataan itu, JMM turut menjangkakan keadaan yang sama akan berlarutan sehingga Jun ini dan bukanlah seperti yang dilaporkan oleh akhbar terbabit.

Dalam masa sama, agensi terse-

but menegaskan mereka sentiasa memantau perkembangan itu dan orang ramai boleh mendapatkan maklumat terkini menerusi talian hotline 1-300-22-1MET(1638), laman sesawang dan laman media sosial rasmi JMM.

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 29**  
**TARIKH : 2 FEBRUARI 2016 (SELASA)**

**■ Fenomena El Nino turut jejas pendapatan pekebun kecil**

Oleh Hassan Omar  
am@hmetro.com.my  
**Alor Gajah**

**F**enomena El Nino turut menjejaskan pekebun kecil getah di negeri ini apabila ada antara mereka mendakwa hasil kutipan susu getah semakin merosot sejak beberapa bulan lalu.

Selain jumlah kutipan yang kurang, kejatuhan harga bahan mentah itu turut menyebabkan pekebun kecil terpaksa melalui saat sukar berikutan pendapatan merosot.

Kedua-dua faktor itu menyebabkan kebanyakan penoreh mengambil keputusan berehat seketika dan melakukan kerja lain kerana usaha itu dianggap tidak berbaloi dengan pendapatan diperolehi.

Penoreh di Kampung Sungai Siput, Lubok China, Abu

**“ Saya dan ramai lagi penoreh mengambil keputusan untuk berhenti sementara daripada menoreh getah ”**

**Abu Bakar Mohamad**

Bakar Mohamad, 61, berkata, dia tidak lagi ke kebun untuk menoreh getah sejak awal Disember lalu berikutan pengeluaran susu getah yang merosot.

Katanya, kebun getah peninggalan ibunya masih lagi ditoreh oleh adik perempuannya bagi memastikan pokok getah berusia lapan tahun itu tidak terus berhenti daripada mengeluarkan susu.

“Keluasan kebun kami

tidak sampai satu hektar, sebelum ini dalam tempoh dua minggu saya boleh mengumpul sehingga 50 kilogram (kg) getah beku. Bagaimanapun, pada musim panas sekarang, saya hanya boleh mendapat antara 25 hingga 30kg getah beku.

“Kejatuhan harga getah hingga RM1.80 untuk satu kg menyebabkan saya dan ramai lagi penoreh mengambil

keputusan untuk berhenti sementara daripada menoreh getah,” katanya.

Katanya, ketika harga getah melambung hingga RM7 satu kg pada 2010 dan 2011, dia menoreh dua kali sehari, iaitu pada jam 4 pagi dan 6 petang kerana tidak mahu melepaskan peluang menambah pendapatan.

Menurutnya, harga getah jatuh mulai awal 2012 hingga sekarang dan tiada petunjuk

harga akan kembali melonjak berikutan getah asli tempatan terpaksa bersaing dengan Thailand dan Indonesia.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sebelum ini mengeluarkan kenyataan, cuaca panas di Semenanjung dijangka bertanjutan hingga Mac depan berikutan kemerosotan jumlah hujan antara 20 hingga 60 peratus bagi suku pertama tahun ini.

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 29**  
**TARIKH: 2 FEBRUARI 2016 (SELASA)**

**Kuala Lumpur**

**MetMalaysia**  
**ramal ombak**  
**3.5 meter**

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) semalam mengeluarkan amaran kategori pertama bagi perairan negara ini berikutan jangkakan angin kencang dan laut bergelora dengan ketinggian ombak melebihi 3.5 meter bermula Selasa hingga Sabtu ini.

Dalam amaran menerusi laman web [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my) itu, angin kencang timur laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (KM/j) dijangka berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Kawasan lain turut diramal terjejas ialah Johor Timur, Sarawak, Labuan dan Sabah merangkumi pedalaman, pantai Barat dan Kudat sekali gus berbahaya kepada bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

"Selain itu, kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur juga terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut yang dijangka bermula 2 hingga 4 Februari ini.

"Bagi seksyen perkapalan, amaran kategori pertama dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Condore dan Reef North sehingga Sabtu ini," kata kenyataan itu.